

SOALAN LAZIM MENGENAI BONUSLINK**1. Soalan :**

Bagaimanakah caranya untuk mendapatkan Mata Ganjaran BonusLink bagi transaksi yang dilakukan di PTPTN?

Jawapan :

Untuk mendapatkan Mata Ganjaran BonusLink bagi transaksi di PTPTN, pelanggan hendaklah terlebih dahulu mendaftar sebagai ahli BonusLink dan melakukan transaksi yang ditetapkan oleh PTPTN dari 1hb November 2018 sehingga 30hb April 2019 dan tertakluk kepada maksimum 33 juta Mata Ganjaran BonusLink yang diperuntukkan oleh PTPTN (yang mana lebih diutamakan). Ahli BonusLink tidak dikehendaki mengguna kad BonusLink semasa melakukan transaksi yang ditetapkan oleh PTPTN.

2. Soalan :

Bagaimana untuk memohon Keahlian BonusLink?

Anda boleh memohon Keahlian BonusLink melalui online di www.bonuslink.com.my atau aplikasi Mudah Alih BonusLink. Anda akan menerima kad BonusLink dalam masa 2 – 3 minggu dari tarikh permohonan kad. Secara alternatif, anda juga boleh memohon melalui Sistem Telefon Layan Diri dengan menghubungi 03-7626 1000.

3. Soalan :

Apakah kelebihan BonusLink kepada pelanggan PTPTN?

Jawapan :

Ahli BonusLink berpeluang mengumpul Mata Ganjaran untuk transaksi bayaran balik dan simpanan SSPN melalui semua saluran bayaran yang disediakan oleh PTPTN.

4. Soalan :

Berapakah Mata Ganjaran BonusLink yang akan diterima oleh Ahli BonusLink bagi transaksi yang dilakukan di PTPTN?

Jawapan :**a) Urusan Bayaran Balik**

Ahli BonusLink akan mengumpul **1,000 Mata Ganjaran BonusLink** apabila membuat penyelesaian penuh hutang.

b) SSPN-i

Ahli BonusLink akan mengumpul 1 Mata Ganjaran BonusLink untuk setiap RM100 simpanan bersih (jumlah simpanan tolak jumlah pengeluaran) bulanan.

c. SSPN-i PLUS

Ahli BonusLink akan mengumpul Mata Ganjaran BonusLink untuk setiap pembukaan akaun baharu SSPN-i PLUS berdasarkan kepada pakej berikut:

Pakej	Intan	Delima	Topaz	Zamrud	Nilam	Berlian
Mata Ganjaran BonusLink	300	500		1,000		

Tiada Mata Ganjaran BonusLink akan diberikan untuk tambahan simpanan.

5. Soalan :

Bagaimanakah pelanggan ingin mengetahui lebih lanjut tentang kempen-kempen yang dibuat oleh PTPTN bersama BonusLink?

Jawapan :

Pelanggan boleh menyemak maklumat mengenai kempen di Portal PTPTN (www.ptptn.gov.my), BonusLink (www.bonuslink.com.my), sosial media PTPTN dan BonusLink.

6. Soalan :

Berapakah tempoh masa Mata Ganjaran dikreditkan ke dalam akaun ahli BonusLink? ahli?

Jawapan :

Mata Ganjaran BonusLink bagi transaksi yang dibuat akan dikreditkan ke dalam akaun ahli BonusLink dalam tempoh 2 hingga 4 minggu dari tarikh transaksi.

7. Soalan :

Adakah Mata Ganjaran BonusLink yang terkumpul boleh ditebus untuk bayaran balik atau simpanan PTPTN?

Jawapan :

Tidak boleh.

8. Soalan :

Adakah Mata Ganjaran BonusLink yang terkumpul mempunyai tarikh luput?

Jawapan :

Ya. Mata Ganjaran yang telah dikumpul dan tidak ditebus akan luput dalam tempoh 36 bulan (3 tahun) dari tarikh ia dikumpulkan